



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT (C.3-4 EB.5)
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Kajian Kerja Komuniti / Kaunseling / Pengurusan / Pentadbiran Awam / Sains Kemasyarakatan / Sains Sosial atau bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Pembangunan Masyarakat sebagai Pekerja Kanan Pembangunan Masyarakat atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang ada hubung kaitnya dengan hal ehwal kemasyarakatan atau bersesuaian dalam tangga gaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Berpengalaman dan berkeupayaan dalam menguruskan pentadbiran dan pengurusan.
3. Berpengetahuan dalam kaunseling, bekerja berkumpulan serta berkebolehan dalam kerja komuniti serta advokasi adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab dalam Unit Kanak-Kanak di bawah Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak;



2. Bertanggungjawab sepenuhnya dalam:
 - i. Membantu Ketua Unit dan Pegawai Kerja Sosial dalam membuat intervensi / penyiataan kes kanak-kanak dan penyediaan laporan sosial yang diperlukan;
 - ii. Mengendalikan hal ehwal permohonan-permohonan bagi mendapat lesen Pusat Penjagaan Kanak-Kanak; dan
 - iii. Menyelaras hal ehwal pendaftaran anak yatim kebangsaan.
3. Membantu Ketua Unit di dalam membuat penyelidikan, perancangan / strategi, *Standard Operating Procedure (SOP)*, rangka kerja dan garis pandu serta memberikan pandangan bagi memastikan perkembangan dan kemajuan perkhidmatan kebajikan akan lebih berkesan dan efisien;
4. Membantu dalam melaksanakan serta mengkaji semula (*review*) dari semasa ke semasa peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda dan Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak;
5. Menyelaras pelaksanaan Rangka Kerjasama Kebangsaan bagi Perlindungan Kanak-Kanak; dan
6. Menerima arahan pegawai atasan dari semasa ke semasa.